

05 FEB 2003

Adnan-Cameron

PAHANG ARAH HENTIKAN SEMUA KERJA PEMBANGUNAN DI CAMERON HIGHLANDS

KUANTAN, 5 Feb (Bernama) -- Kerajaan Negeri Pahang hari ini mengarahkan semua kerja pembangunan di Cameron Highlands dihentikan serta-merta.

Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob berkata arahan itu bukan sahaja kepada pemaju di Blue Valley, tetapi meliputi semua projek pembangunan di tanah tinggi tersebut.

"Kita akan berhentikan buat sementara waktu sehingga diberitahu kelak, semua kerja-kerja pembangunan di semua kawasan (di Cameron Highlands) kerana kita bimbang kalau diteruskan, maka banyak lagi pencerobohan seperti di Blue Valey akan berlaku.

"Kerajaan negeri arahkan mulai sekarang, semua dibekukan buat sementara sehingga diberitahu kelak," katanya kepada pemberita selepas pelancaran kempen memungut tandatangan dan program perhimpunan Keamanan Rakyat Malaysia di sini hari ini.

Jumaat lepas, sebuah akhbar melaporkan sekumpulan syarikat menggunakan peralatan berat untuk meratakan satu kawasan yang dahulunya merupakan sebahagian daripada ladang teh Blue Valley di Cameron Highlands.

Ini dilakukan walaupun Majlis Daerah Cameron Highlands telah mengeluarkan dua perintah menghalang kerja itu. Ekoran itu, Jabatan Tanah dan Galian Negeri telah membuat laporan polis.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad turut menyuarakan rasa sedih dengan pembangunan di Cameron Highlands yang mengabaikan soal alam sekitar sehingga menjejaskan keindahan kawasan itu.

Dr Mahathir semasa berucap melancarkan perayaan ulang tahun kedua Putrajaya sebagai Wilayah Persekutuan, berkata beliau kecewa kerana sebahagian tempat sudah diratakan sehingga ia tidak lagi kelihatan sebagai kawasan bukit bukau sebaliknya menjadi kawasan tanah pamah.

Adnan berkata pada masa ini kerajaan negeri tidak mempunyai rancangan untuk membekukan projek-projek pembangunan di tanah tinggi lain di Pahang kerana tidak ada laporan mengenai kegiatan meratakan tanah seperti yang berlaku di Blue Valey itu.

Bagaimanapun menurutnya apa yang berlaku di Cameron Highlands perlu dijadikan iktibar dan amaran kepada pemaju lain yang ingin membangunkan tanah di tempat lain kerana kerajaan negeri tidak teragak-agak untuk membekukan projek mereka jika didapati melakukan kesalahan yang sama.

Adnan berkata pemaju di kawasan berkenaan boleh mengemukakan rayuan namun sama ada rayuan itu diterima atau tidak, bergantung kepada sama ada pemaju berkenaan mematuhi peraturan atau tidak.

Sementara itu, Adnan berharap Kementerian Sains Teknologi dan Alam Sekitar mengemukakan cadangan meminda Akta Pemuliharaan Alam Sekitar 1960 bagi membolehkan hukuman yang lebih berat dikenakan terhadap mereka yang melakukan kesalahan.

Menurutnya hanya menerusi pemindaan itu sahaja akan dapat membantu membendung pemaju daripada melanggar undang-undang pada masa depan.

"Kita berharap dalam bulan Mac nanti, pindaan ini boleh dibentangkan untuk diwartakan dan dikuatkuasakan.

"... dan lepas itu kita akan benarkan pemaju-pemaju menjalankan projek mereka dan jika mereka menyalahi undang-undang, maka kita akan gunakan undang-undang baru itu sebagai satu cara untuk meyekat mereka daripada bermaharajalela," katanya.

-- BERNAMA

HIS LAT

